

EDISI TAHUN BAHARU

E-BULLETIN

EDISI 19



Nak Menang Emas?

Ketahui caranya bersama
Promosi Terbaharu BSN

Tahun Baharu, Strategi Baharu!

Cerita EB BSN

Kisah EB Panda
Marketing Enterprise
Ubah Langkah Kecil
Jadi Kejayaan

Top 10

EB BSN

Terbaik 2025

MyBill Sdn. Bhd
(Nusa Bistari)

Lihat senarai
penuh di dalam

Keldai Wang?
Akaun Keldai?
Apa Beza?



Kata-Kata Aluan	3
Artikel Umum	4
Info Am EB BSN	5
Tip & Panduan Keselamatan	9
Cerita EB BSN	11
Kata-Kata & Tip daripada EB BSN	12
Ucapan Tahun Baharu daripada EB BSN	13
Promosi Baharu BSN	14

KANDUNGAN

EDITORIAL

Pengarang
Anis Syahirah

Penolong Pengarang
Rizalman Zainal

PRODUKSI & KREATIF

Pereka Grafik
Hazman Zuhairy

Fotografi
Aizat Azam

Dari Refleksi 2025 Ke Aspirasi 2026



Salam Sejahtera,

Tahun 2025 telah menjadi cerminan keteguhan, daya tahan dan semangat juang bersama, khususnya dalam memperkasakan peranan Ejen Bank BSN (EB BSN) sebagai nadi perkhidmatan kewangan komuniti. Dalam menghadapi cabaran ekonomi dan perubahan teknologi, EB BSN terus memastikan perkhidmatan BSN kekal dekat di hati rakyat, dari bandar hingga ke ceruk desa.

Sepanjang tahun lalu, peranan EB BSN telah membuktikan keupayaannya bukan sahaja dalam memudahkan urusan harian pelanggan, malah sebagai jambatan harapan kepada golongan yang memerlukan akses kepada perkhidmatan kewangan asas. Keprihatinan serta komitmen berterusan para ejen amat dihargai.

Menjelang tahun 2026, BSN membawa aspirasi yang lebih besar untuk memperluas capaian dan impak EB BSN di seluruh negara. Fokus akan terus diberikan kepada peningkatan sokongan, latihan dan pendigitalan operasi, di samping membina komuniti EB BSN yang lebih mampan, berdaya saing dan berdikari.

Tahun baharu ini membuka ruang untuk memperkukuh sistem sokongan kepada EB BSN, merangka strategi yang lebih inklusif, serta memperkenalkan inisiatif yang memberi manfaat langsung kepada pelanggan dan ejen.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua EB BSN atas komitmen dan sumbangan berterusan sepanjang tahun 2025. Peranan anda amat penting dalam memastikan perkhidmatan BSN

kekal relevan, mudah diakses dan dipercayai oleh masyarakat.

Marilah kita melangkah ke tahun 2026 dengan semangat baharu demi perkhidmatan yang lebih mesra, cekap dan bermakna.

Selamat Tahun Baharu 2026!



Masa Untuk Susun Strategi Perniagaan Anda!

Tahun baharu, strategi baharu! Ini masa paling sesuai untuk lihat semula pencapaian perniagaan anda tahun lepas, dan rancang langkah yang lebih baik untuk tahun ini. Dengan perancangan yang betul, peluang untuk kembangkan perniagaan anda sangat luas dan kami di BSN sedia membantu anda capainya.

1 Lihat Semula Prestasi Tahun Lepas

Cuba tanya diri anda:

- Berapa ramai pelanggan guna khidmat anda tahun lepas?
- Waktu bila pelanggan paling ramai datang?
- Apa jenis transaksi paling banyak (seperti pengeluaran tunai, bayaran bil)?

Dari sini, anda boleh lihat apa yang boleh ditambah baik, dan bila masa sesuai nak buka kedai lebih lama atau tawarkan perkhidmatan lain yang ada.



2 Tetapkan Sasaran Tahun Baru

Letak sasaran yang mudah dan boleh dicapai. Contohnya:

- Nak tambah bilangan pelanggan setiap bulan
- Nak galakkan pelanggan bayar bil atau kirim duit melalui anda
- Nak buat promosi kecil untuk tarik orang datang

Bila ada matlamat, lebih mudah nak fokus dan semangat nak capai.

3 Hebahkan Guna WhatsApp & Facebook

Walaupun pelanggan datang ke kedai, anda boleh guna media sosial untuk hebahkan:

- Waktu operasi ejen
- Perkhidmatan apa yang ditawarkan

Kalau anda aktif di WhatsApp group atau Facebook page kawasan kedai, pelanggan lebih mudah tahu tentang anda.

4 Kira Kos & Untung Dengan Teliti

Lihat balik kos operasi seperti:

- Kertas resit, dakwat printer, bil elektrik
- Gaji pembantu (jika ada)
- Peralatan kedai

Lepas kira, baru mudah nak tahu berapa sebenar anda untung dan senang buat bajet untuk hal lain.

5 Guna Bantuan dan Latihan dari BSN

Jangan lupa, BSN ada sediakan:

- Latihan untuk ejen
- Poster dan bahan promosi percuma
- Pegawai yang boleh bantu kalau ada masalah sistem atau pertanyaan

Gunakan semua ini untuk memudahkan kerja dan tambah keyakinan pelanggan.

Jumlah Terkini EB BSN:

2,080

(Setakat Ogos 2025)

Etika EB BSN

Setiap **EB BSN** mestilah menerapkan sifat-sifat yang luhur dan berdisiplin agar dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan berkualiti kepada masyarakat.

Berikut merupakan tujuh (7) etika EB BSN yang perlu dipatuhi oleh setiap EB BSN.



1

Cekap, amanah & berintegriti

Sentiasa mengutamakan pelanggan



4

Berpakaian kemas



2



Memastikan peralatan yang dibekalkan berada dalam keadaan baik



6

Berbudi bahasa dan menghormati pelanggan

Mempunyai persekitaran yang selesa, selamat dan teratur



7



5

Menyampaikan maklumat yang tepat, jelas dan lengkap

EB BSN dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dalam setiap urusan, terutama ketika mengendalikan transaksi dan maklumat pelanggan. Lakukan semakan sebelum dan selepas transaksi bagi memastikan semuanya tepat dan selamat. Sikap teliti ini membantu mengelakkan kesilapan serta menjaga kualiti perkhidmatan. Berikut ialah beberapa perkara yang perlu dielakkan oleh EB BSN untuk memastikan tugas berjalan lancar:

1 Memanipulasi untuk mendapatkan lebih komisen

Tindakan memanipulasi maklumat atau transaksi demi memperoleh komisen tambahan adalah dilarang dan boleh menjejaskan integriti sebagai EB. Antara contoh perbuatan tersebut termasuk:

- Peningkatan pembelian eSSP dalam nilai yang kecil.
- Peningkatan deposit tunai ke dalam akaun GIRO / Giro-i.

2 Kesilapan pembayaran bil

Kesilapan pembayaran bil boleh berlaku apabila urusan tidak dilakukan dengan teliti atau tanpa kehadiran pelanggan. Antara kesilapan biasa termasuk:

- Urusan tidak dilakukan di hadapan pelanggan.
- Salah kunci masuk amaun.
- Salah pilih organisasi.

Perkara yang Perlu Dielakkan sebagai EB BSN



... menjejaskan keselamatan

serta kredibiliti EB...

- Salah kunci masuk no. rujukan 1.
- Gagal mengambil tunai pelanggan.

3 Kesilapan melakukan jenis transaksi

Kesilapan jenis transaksi sering berlaku apabila EB tersilap memahami atau memilih transaksi yang diminta oleh pelanggan. Contohnya, melakukan transaksi yang tidak sama seperti yang diminta, sekaligus menjejaskan ketepatan urusan.

4 Resit tiada tandatangan

Resit tanpa tandatangan boleh menimbulkan isu pengesahan urusan, terutamanya bagi transaksi pengeluaran, pembukaan akaun dan transaksi tanpa tunai. Pastikan setiap resit ditandatangani bagi mengelakkan kekeliruan atau pertikaian.

5 Tidak mematuhi panduan BNM dan Perjanjian Pelantikan

Ketidakpatuhan terhadap panduan BNM dan Perjanjian Pelantikan boleh menjejaskan keselamatan serta kredibiliti EB. Antara contoh pelanggaran termasuk:

- Terminal P.O.S tiada di premis perniagaan semasa waktu operasi.
- Membawa keluar terminal P.O.S.

PRESTASI TERBAIK EB BSN

Merujuk kepada rajah di bawah, berikut adalah senarai 10 Ejen Bank Terbaik sehingga September 2025.



MYBILL SDN. BHD (NUSA BISTARI)
(Johor)



FIRST MART TRADING SDN.BHD
(Johor)



BASHARUDDIN ENTERPRISE
(Pahang)



SSC DIGITAL PHOTO
(Perak)



RAHAYU BINTI DAUD
(Terengganu)

EB BSN TERBAIK



PANDA MARKETING ENT.
(Perak)



SEET CHEE SEONG
(Pahang)



MWF ENTERPRISE
(Perak)



G ONE ACCESSORIES
(Perak)



MOST NETWORK SDN.BHD
(Melaka)

Tahniah dan syabas kepada semua ejen bank di atas!
Semoga anda terus cemerlang dan kekal sebagai ejen bank yang terbaik!

Sokongan Operasi EB BSN

Sekiranya EB BSN mengalami sebarang masalah berkenaan transaksi (berjaya/gagal), masalah terminal P.O.S atau lain-lain berkenaan perkhidmatan EB BSN, sila hubungi talian helpdesk kami.

EB BSN

EB BSN *Helpdesk*
03-2688 0900

Pelanggan

Pusat Perhubungan Pelanggan
03-2613 1900

BSN AI Chatbot dalam
laman web BSN





Keldai Wang? Akaun Keldai?

Apa Beza?

Keldai Wang atau **Money Mule** adalah orang yang berfungsi sebagai perantara bagi penjenayah dan organisasi jenayah.

Akaun Keldai atau **Mule Account** pula adalah akaun yang menerima dan memindahkan hasil daripada aktiviti penipuan seperti penipuan *phishing* atau penipuan SMS / telefon.

Dalam senario semasa, sindiket akan memancing pengguna perbankan dalam talian dari Bank lain untuk memindahkan wang dengan menggunakan kemudahan pemindahan segera (perkhidmatan DuitNow) ke dalam akaun keldai. Sindiket itu kemudian akan melakukan banyak pengeluaran menggunakan ATM atau pindah ke akaun keldai lain.

Sekiranya anda telah menerima sebarang aktiviti tersebut, sila maklumkan segera kepada kami melalui talian +603 2613 1900 atau e-mel ke customer.care@bsn.com.my atau hubungi talian hotline Pusat Scam Respons Kebangsaan (NSRC) iaitu 997 (talian ini boleh dihubungi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam setiap hari, termasuk cuti umum).

Apa yang harus anda lakukan?

Jangan sesekali menjawab mesej atau memberi maklum balas positif terhadap panggilan telefon yang menjanjikan sejumlah besar wang sebagai pertukaran untuk memberikan nombor akaun bank anda atau meminta anda melakukan transaksi antarabangsa bagi seseorang.

Jangan sesekali berkongsi butiran akaun anda kepada sesiapa.

Jangan buka akaun bank baharu untuk menerima dan memindahkan wang daripada orang yang tidak anda kenali.

Jangan melayan atau terpengaruh dengan iklan pekerjaan antarabangsa yang menjanjikan anda bayaran tinggi hanya untuk beberapa jam kerja dari rumah.



Bagaimana **Scammer** Cuba Memperdaya **Ejen Bank BSN**?

Scammer kini semakin bijak menggunakan pelbagai taktik untuk memperdaya Ejen Bank BSN. Melalui senario yang dikongsikan, anda boleh mengenal pasti tanda awal, memahami helah scammer dan mengambil langkah berjaga-jaga agar tidak mudah terperangkap.

Scammer menghantar SMS dengan pautan palsu atau menghubungi EB BSN tentang pertukaran terminal.



Scammer meminta EB BSN membuat transaksi deposit ke nombor akaun/kod QR yang diberikan melalui aplikasi WhatsApp dengan jumlah tertentu.



Scammer mengarah EB BSN melakukan transaksi melalui aplikasi pihak ketiga, dengan jumlah yang tertentu.

Langkah Berjaga-jaga

Jika anda menerima sebarang panggilan atau arahan yang mencurigakan, segera hubungi **Helpdesk EB BSN** melalui talian **03-2688 0900** atau kakitangan BSN negeri anda, dan pastikan untuk membuat laporan polis

Peringatan!

Sentiasa berhati-hati dan pastikan setiap arahan atau maklumat yang diterima adalah sahih. Jangan mudah terpedaya tanpa pengesahan rasmi daripada pihak BSN. Pastikan juga maklumat ini dikongsikan kepada staf anda agar mereka turut maklum dan berwaspada terhadap kes seperti ini.

#EjenBankBSN #PenggantianTerminalPercuma #ElakPenipuan

Untuk rujukan dan bacaan EB BSN.



03-2613 1900

www.bsn.com.my



BSNMalaysia

Bagi Encik Nga Kang Woei dari Panda Marketing Enterprise, persaingan yang semakin sengit terutamanya dalam peningkatan penggunaan pembayaran elektronik dan transaksi dalam talian membuatkan beliau tetap kekal positif dalam menyesuaikan diri dengan perubahan ini. Jadi, tahun 2025 ini bukanlah perjalanan yang mudah untuk beliau.

Bagi menarik lebih ramai pelanggan, beliau mengambil langkah proaktif dengan membuat promosi agresif di platform media sosial seperti TikTok, Facebook dan Instagram. Selain itu, beliau turut melakukan aktiviti Cabutan Bertuah untuk pelanggan yang datang berurusan serta aktif menyertai program komuniti setempat bagi memperkenalkan perkhidmatan EB BSN kepada masyarakat.

Kejayaan ini turut disokong oleh Pegawai Zon BSN yang sentiasa membantu melalui penganjuran kaunter promosi dan edaran risalah di kawasan sekitar kedai beliau. Dengan kerjasama yang kukuh dan usaha berterusan, Encik Nga Kang Woei berjaya terpilih antara 10 EB BSN terbaik tahun 2025.

Kisah **EB BSN** Ubah Langkah Kecil Jadi Kejayaan

Nga Kang Woei
Panda Marketing
Enterprise, EB Perak

Tips-Tips Kejayaan



Promosi Digital
seperti Tiktok,
Facebook, Whatsapp



Servis Mesra Pelanggan



Penglibatan Komuniti

...kemudahan pelanggan,

keutamaan kami...

EB BSN Berkongsi:

Sedikit Kata, Banyak Makna

Perkongasian ini mengetengahkan pengalaman dan pandangan ringkas daripada EB BSN yang boleh dijadikan rujukan. Walaupun sederhana, setiap kata membawa makna yang membantu memperkukuh perkhidmatan serta perjalanan mereka sebagai ejen.

...rasa seronok dapat belajar...

Mohd Ismail Krishnan,
EB BSN Kuala Selangor



- Berasa amat berbangga kerana dapat memberi perkhidmatan perbankan kepada penduduk setempat dan membantu mereka dalam urusan harian.
- Gembira kerana peluang sebagai EB turut membuka ruang untuk menambah pendapatan sampingan melalui perniagaan yang dijalankan.
- Teruja dapat mempelajari dan menggunakan terminal POS walaupun usia semakin meningkat, membuktikan bahawa pembelajaran tidak mengenal umur.

...sentiasa menunjukkan senyuman kepada pelanggan...

Azhan Bin Ahmad
EB BSN Kuala Selangor



- Bina hubungan yang baik dengan penduduk setempat untuk mengukuhkan kepercayaan dan sokongan.
- Layan pelanggan dengan mesra setiap kali mereka hadir ke premis.
- Sentiasa berikan senyuman ketika berurusan bagi mewujudkan pengalaman yang positif.
- Terangkan produk-produk BSN dengan jelas supaya pelanggan lebih faham dan yakin membuat pilihan.

Ucapan Tahun Baharu daripada EB BSN

Selamat Tahun Baharu 2026 daripada EB BSN!

Semangat baharu, azam baharu — bersama melangkah ke arah kejayaan yang lebih gemilang!



"Semoga tahun baharu ini kita akan lebih memberi perkhidmatan yang terbaik, mudah, mesra dan lebih bersemangat serta mencapai sasaran yang telah ditetapkan."

EB Most Network, Melaka

Tonton ucapan penuh di pautan ini.



"Saya bangga menjadi sebahagian daripada EB BSN yang hebat ini. Terima kasih atas sokongan semua. Semoga kita maju jaya untuk tahun 2026!"

EB MWF Enterprise, Perak

Tonton ucapan penuh di pautan ini.



Setiap EB BSN adalah tulang belakang kejayaan komuniti. Dengan semangat baharu ini, mari kita terus berkongsi inspirasi, memperkukuh kerjasama dan memberikan perkhidmatan terbaik buat semua pelanggan BSN di seluruh Malaysia.

Promosi Baharu BSN

Pelbagai produk, kempen dan promosi menarik yang ditawarkan oleh BSN pada tahun ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan BSN, tetapi semua Ejen Bank (EB) BSN juga. Anda boleh menikmati komisen daripada transaksi yang dilakukan oleh pelanggan!



**Simpan dengan eTerm Deposit-i.
Bila-bila Masa, Di mana Jua
melalui myBSN**

Nikmati kadar keuntungan sehingga 3.33% setahun untuk tempoh 12 bulan dengan perletakan minimum RM1,000.

Tempoh Kempen: 1 November 2025 - 31 Januari 2026

Ketahui lebih lanjut

Gambar sekadar ilustrasi. Torkuk pada terma dan syarat.

Kadar Keuntungan Sehingga 3.33% Setahun

MALAYSIA MADANI

Semuanya kini lebih mudah, fleksibel dan selamat! Urus simpanan anda di hujung jari, di mana sahaja anda berada. Nikmati kadar keuntungan menarik sehingga 3.33% setahun apabila anda membuat simpanan eTerm Deposit-i melalui myBSN. Kempen ini sah sehingga 31 Januari 2026.



Aktif dan Menang Emas

Jadilah antara 333 pelanggan terawal yang mengaktifkan semula akaun dormant BSN anda dan bawa pulang 0.2 gram kepingan emas.

Tempoh Kempen: 1 Oktober 2025 - 31 Januari 2026

Ketahui lebih lanjut

Gambar sekadar ilustrasi. Torkuk pada terma dan syarat.

MALAYSIA MADANI

Aktifkan akaun dormant sambil berpeluang menang emas! Tebus semula wang anda dan jadi antara 333 pelanggan terawal yang mengaktifkan akaun BSN dormant anda untuk peluang memenangi 0.2 gram emas. Kempen ini sah sehingga 31 Januari 2026.



**Ganjaran Tahun Baharu
dengan Kad BSN Visa**

Kumpul penyertaan untuk memenangi hadiah impian anda!

Tempoh Kempen: 25 Oktober 2025 - 24 Januari 2026

Ketahui lebih lanjut

Gambar sekadar ilustrasi. Torkuk pada terma dan syarat.

MALAYSIA MADANI

Raikan tahun baharu 2026 dengan penuh gaya! Belanja serendah RM50 menggunakan Kad BSN Visa untuk berpeluang memenangi hadiah hebat bernilai sehingga RM10,000, pulangan tunai RM20 apabila berbelanja minimum RM60 di restoran terpilih dan Beg Hummer Edisi Terhad dengan permohonan pelan EasyCash atau Balance Transfer. Kempen ini sah sehingga 24 Januari 2026.

